

**SOALAN LAZIM PELAKSANAAN SISTEM E-TT BAGI KAEDAH  
BAYARAN SECARA TELEGRAPHIC TRANSFER (TT)/ ELECTRONIC  
FUNDS TRANSFER (EFT) DAN INTERBANK GIRO (IBG)**

**S1 : Apakah Sistem e-TT?**

J1 : Sistem e-TT diperkenalkan bagi bayaran cukai melalui kaedah TT, EFT dan IBG dari dalam dan luar negara bagi pelbagai jenis bayaran cukai pendapatan. Sistem ini akan menjana Nombor Akaun Maya (Virtual Account Number (VA)) sebagai identiti pengenalan bayaran.

**S2 : Bilakah pelaksanaan Sistem e-TT?**

J2 : Tarikh pelaksanaan adalah pada 1 April 2022

**S3 : Siapakah yang terlibat dengan pelaksanaan Sistem e-TT?**

J3 : Pembayar cukai dari dalam dan luar negara yang membuat bayaran melalui TT, EFT dan IBG sahaja.

**S4 : Bagaimanakah cara penggunaan Sistem e-TT?**

J4 : Langkah penggunaan Sistem e-TT:

- Pembayar cukai dikehendaki log in ke Sistem e-TT di portal MyTAX terlebih dahulu iaitu <https://mytax.hasil.gov.my> menerusi capaian 'Perkhidmatan ezHasil' > 'e-TT',
- Lengkapkan maklumat bayaran mengikut pilihan cukai pendapatan yang hendak dibayar.
- Nombor Virtual Account (VA) akan dijana bagi setiap kali pengisian (Slip janaan No VA akan diberikan kepada pembayar cukai untuk rujukan semasa membuat bayaran)
- Keluar Sistem. Pembayar cukai meneruskan proses bayaran.(Rujuk S7)

**S5 : Apakah Nombor Virtual Account (VA)?**

J5 : Nombor VA adalah **nombor 14 digit** yang merupakan nombor identiti pengenalan bayaran. Ianya menyerupai format nombor akaun bank yang perlu dihantar oleh pihak bank boleh dikenalpasti oleh pihak bank sebagai bayaran cukai pendapatan. Nombor ini akan digunakan oleh pembayar cukai sebagai nombor akaun semasa membuat bayaran.

**S6 : Apakah jenis bayaran cukai pendapatan yang terlibat bagi penggunaan Sistem e-TT?**

J6 : Janaan nombor VA di Sistem e-TT hanya dibenarkan untuk bayaran cukai daripada dalam dan luar negara bagi:

- Cukai Pendapatan
- Cukai Pendapatan (Petroleum)
- Kompaun
- Seniman Kembara
- Cukai Pegangan (Melibatkan satu penerima sahaja)
- CKHT – Pegangan cukai 3% oleh pemeroleh (Seksyen 21B)

**S7 : Bagaimanakah pembayaran boleh dilakukan selepas no VA dijana?**

J7 : Pembayar cukai boleh membuat bayaran cukai menggunakan Nombor VA dari Sistem e-TT melalui:

- i. Portal perbankan internet Bank menerusi IBG/RENTAS/Pindahan Telegrafik /Pindahan Wang
- ii. \*Kaunter Bank: IBG/RENTAS/Pindahan Telegrafik/Pindahan Wang sahaja.  
*\*Menggunakan nombor VA sebagai nombor akaun/ Bayaran secara tunai dan cek tidak dibenarkan*
- iii. Mesin Wang Automatik (Automated Teller Machine (ATM) menggunakan modul IBG.

**S8 : Adakah bayaran melalui Portal perbankan internet dan kaunter Bank hanya boleh dibuat di bank ejen LHDNM sahaja?**

J8 : **Tidak.** Bayaran menggunakan Nombor VA melalui Portal perbankan internet dan kaunter Bank menerusi kaedah Pindahan Telegrafik (TT)

boleh dibuat dari mana-mana bank di seluruh Malaysia dan mana-mana bank asing di luar negara.

**S9 : Apakah medium bayaran cukai yang boleh digunakan?**

J9 : Medium bayaran yang boleh menerima bayaran menggunakan Nombor VA adalah:

- Perbankan Internet /IBG/RENTAS
- Arahkan pindahan Wang/Pindahan Telegrafik
- Mesin Wang Automatik 'Automated Teller Machine' (ATM)

**S10 : Adakah bayaran melalui cek boleh diterima?**

J10 : **Tidak.** Bayaran menggunakan Nombor VA melalui cek tidak diterima.

**S11 : Adakah terdapat sebarang caj yang dikenakan untuk bayaran di kaunter bank?**

J11 : Bank mengenakan caj tertentu bagi bayaran di kaunter. Kadar caj dikenakan juga boleh dirujuk dari laman web setiap bank dan pembayar cukai boleh merujuk kepada bank masing-masing untuk maklumat kenaaan bayaran tersebut.

**S12 : Bagaimanakah cara pembayar cukai yang belum mendaftar untuk perkhidmatan perbankan internet membuat bayaran cukai menerusi TT?**

J12 : Pembayar cukai perlu mendaftar untuk perkhidmatan perbankan internet terlebih dahulu dan perlu merujuk kepada bank masing-masing bagi proses pendaftaran perbankan internet tersebut.

**S13 : Adakah cara lain bagi pembayar cukai di S12 untuk membuat bayaran?**

J13 : Pembayar cukai boleh ke kaunter bank masing-masing untuk membuat transaksi arahan pindahan Wang/Pindahan Telegrafik.

**S14 : Adakah bayaran boleh dibuat melalui ByrHASiL di Portal LHDNM?**

J14 : Tidak. Buat masa ini bayaran hanya boleh dilaksanakan menerusi medium perbankan internet dan kaunter bank seperti yang dinyatakan di S7 sahaja. Pembayaran Cukai Pegangan (melibatkan ramai penerima), Cukai Seniman Kembara, Kompaun dan CKHT oleh pemeroleh masih boleh dilakukan secara manual iaitu menerusi tunai dan cek di Kaunter Pusat Bayaran Kuala Lumpur, Kuching dan Kota Kinabalu seperti yang sedia ada pada masa kini.

**S15 : Bagaimanakah pembayar cukai boleh mendapatkan resit bayaran?**


J15 : Pusat Bayaran Kuala Lumpur akan meresitkan bayaran seperti biasa. Pembayar cukai harus memastikan maklumat bayaran yang dipilih dan diisi dalam sistem e-TT lengkap dan teratur bagi membolehkan bayaran mudah dikesan dan diresitkan.

Slip pengesahan bayaran cukai di kaunter bank atau slip pengesahan transaksi bagi bayaran menerusi medium bayaran secara dalam talian juga diterima oleh LHDNM sebagai bukti bayaran / resit pembayaran. Pembayar cukai boleh menyimpan slip tersebut sebagai bukti dan rujukan.

Pembayar cukai juga boleh merujuk kepada Hasil Care Line dan cawangan yang mengendalikan fail cukai yang untuk semakan status bayaran. Pembayar cukai individu juga boleh membuat semakan sendiri menerusi **'MyTax' > 'e-Lejer'**

**S16 : Dimanakah maklumat lanjut berkenaan Manual Pengguna melalui Sistem e-TT boleh diperolehi?**

J16 : Pembayar cukai boleh merujuk pada ikon **'Panduan Pengguna'** di Muka Hadapan laman 'MyTax' seperti berikut:



**S17 : Dimanakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut berkenaan prosedur bayaran cukai pendapatan?**

J17 : Maklumat lanjut berkenaan bayaran cukai pendapatan boleh diperolehi melalui:

1. **Rangka Kerja Pungutan** di laman web rasmi LHDNM pada ikon 'Perundangan'>'Rangka Kerja Pungutan'>'Rangka Kerja Pungutan Cukai 2021'
2. Ikon 'Individu'>'Pembayaran'
3. Ikon 'Syarikat'>'Pembayaran Cukai Syarikat'

**S18 : Siapakah yang boleh dihubungi sekiranya pembayar cukai memerlukan penerangan lanjut berkenaan prosedur bayaran cukai?**

J18 : Sebarang pertanyaan serta maklum balas berkaitan boleh dimajukan kepada LHDNM melalui:

1. Hasil Care Line di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (Luar Negara)
2. HASiL Live Chat
3. Borang Maklum Balas di portal rasmi LHDNM di pautan pantas di <https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/MaklumBalas/ms-my/>.
4. Nombor Faks : 03-62019637
5. Alamat Emel : [HelpTTpayment@hasil.gov.my](mailto:HelpTTpayment@hasil.gov.my)

